



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 11 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PEMILIK ANJING DEGIL TERIMA KOMPAUN, NEGERI, SINAR HARIAN - 25	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	IKLIM EKSTREM ANCAM KETERJAMINAN MAKANAN DUNIA, MINDA, BERITA HARIAN – 13	LAIN-LAIN
3.	KELULUT SAYAP PUTIH DIJUMPAI DI HULU TERENGGANU, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA - 29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	25

Pemilik anjing degil terima kompaun

Satu notis amaran turut diserahkan supaya tidak melepaskan anjing tanpa pengawasan

Oleh NORAFIZA JAAFAR
SEREMBAN

Seorang pemilik anjing dikenakan dua kompaun dan satu notis amaran selepas didapati melepaskan anjing peliharaannya sehingga mengganggu ketenteraman jiran.

Datuk Bandar Seremban, Datuk Masri Razali berkata, tindakan diambil susulan aduan diterima Majlis Bandaraya Seremban (MBS) menerusi sistem SISPAА bertarih 29 Mei berhubung gangguan anjing peliharaan dilepaskan tanpa pengawasan.

"Aduan di Garden Homes ini adalah aduan berulang. Pemilik anjing sudah diberi kompaun sebelum ini, namun masih mengulangi kesalahan sama.

"Dua kompaun dikeluarkan atas kesalahan memelihara anjing tanpa lesen mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan satu notis amaran diserahkan supaya pemilik tidak lagi melepaskan anjing keluar dari kawasan rumah tanpa pengawasan," katanya pada Selasa.

Katanya, MBS akan meneruskan tindakan penguatkuasaan terhadap pemilik anjing yang gagal mematuhi peraturan ditetapkan demi menjaga kesejahteraan komuniti setempat.

Beliau turut menasihatkan semua pemilik anjing memohon lesen peliharaan anjing dan mematuhi syarat ditetapkan.

"Harga lesen anjing bagi tempoh setahun ialah RM10 dan sah sehingga 31 Disember setiap tahun. Anjing juga wajib diberi vaksin dan disahkan pegawai veterinar atau doktor haiwan bertauliah.

"Lesen ini hanya dikeluarkan kepada pemilik di kawasan perumahan bertanah sahaja. Anjing tidak dibenarkan dipelihara di kawasan perumahan bertingkat atau strata," katanya.



Pemilik menerima notis dan kompaun selepas didapati tidak memiliki lesen dan melepaskan haiwan tanpa pengawasan.



MBS menerima aduan berulang mengenai tindakan pemilik melepaskan anjing tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kacau ganggu.



Iklim ekstrem ancam keterjaminan makanan dunia

Najwa Najihah
Nor Rashid,
Universiti Pendidikan
Sultan Idris

Menurut laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), lebih 800 juta penduduk dunia mengalami kekurangan atau kekurangan zat makanan.

Pada masa sama, kira-kira satu per tiga daripada makanan dihasilkan setiap tahun, bersamaan dengan 1.3 bilion tan dibazirkan.

Fenomena ini menunjukkan wujud ketidakseimbangan serius dalam pengurusan sumber makanan global.

Jika isu ini terus diabaikan, dunia bakal berdepan krisis kemanusiaan lebih besar pada masa hadapan.

Jika dulu dengan RM50 kita boleh membeli keperluan dapur untuk seminggu, kini jumlah sama mungkin cukup untuk beberapa hari sahaja.

Fenomena ini bukan sekadar menyentuh soal ekonomi harian rakyat, tetapi petanda jelas dunia sedang berdepan krisis sumber makanan semakin meruncing.

Krisis ini bukan sahaja berlaku di negara membangun, malah turut dirasai negara maju.

Antara faktor utama mencetuskan krisis ini

ialah iklim semakin ekstrem. Kemarau berpanjangan, banjir luar biasa dan suhu tinggi menjejaskan hasil pertanian, terutama di negara yang bergantung kepada pertanian tradisional.

Pertambahan populasi global dijangka mencapai 9.7 bilion orang menjelang 2050 juga meningkatkan permintaan terhadap makanan, air dan tanah untuk pertanian.

Konflik bersenjata dan ketidakstabilan politik di beberapa kawasan turut mengganggu rantaian bekalan makanan global, menyebabkan harga melambung dan bekalan terganggu.

Krisis makanan memberi kesan mendalam kepada masyarakat. Negara miskin dan sedang membangun kumpulan paling terjejas. Kanak-kanak dan wanita hamil berisiko tinggi mengalami kekurangan zat makanan boleh menjelaskan kesihatan jangka panjang.

Pada peringkat global, harga makanan tidak stabil turut membebankan isi rumah berpendapatan rendah. Tambahan pula, krisis ini menimbulkan risiko kepada kestabilan sosial dan politik apabila rakyat mula memberontak akibat tekanan hidup.

Namun, krisis ini bukan tiada penyelesaian. Beberapa langkah proaktif menanganinya boleh diambil, antaranya penerapan teknologi pertanian moden seperti hidroponik, pertanian vertikal dan bioteknologi tanaman bagi meningkatkan hasil tanpa perlu membuka kawasan baharu.

Selain itu, pengguna perlu diberikan pendidikan berkaitan pengurusan makanan, termasuk cara menyimpan makanan dengan betul dan mengelakkan pembaziran.

Kerajaan pula harus memainkan peranan menggubal dasar menyokong keterjaminan makanan negara serta memperkukuh kerjasama antarabangsa bagi menangani isu rantaian bekalan.

Kesimpulannya, krisis sumber makanan adalah isu global yang memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Jika tiada tindakan segera diambil, generasi akan datang mungkin hidup dalam dunia yang kekurangan sumber asas untuk kelangsungan hidup.

Setiap orang tidak boleh lagi memandang ringan isu ini. Setiap individu memikul tanggungjawab untuk lebih peka terhadap tabiat pemakanan harian. Budaya pembaziran makanan harus dihentikan segera.

TARIKH

11/6/2025

MEDIA

BERITA
HARIAN

RUANGAN

MINDA

MUKA
SURAT

13

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Kelulut sayap putih dijumpai di Hulu Terengganu

HULU TERENGGANU: Spesies kelulut yang sukar ditemukan iaitu homotrigona anamitica atau kelulut sayap putih dikesan menerusi Ekspedisi Kayak Jejak Kelulut Sungai Berang sejauh kira-kira 8.5 kilometer, di sini, baru-baru ini.

Ketua Kumpulan Penyelidik Lebah dan Kelulut Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Dr. Shamsul Bahri Abd Razak berkata, penemuan spesies berkenaan adalah kali pertama di Terengganu berdasarkan pengalamannya.

"Kelulut sayap putih ini antara spesies yang jarang dan sukar ditemukan. Setakat ini, melalui pelbagai ekspedisi yang telah saya jalankan, baru kali ketiga ia dijumpai di Semenanjung Malaysia.

"Spesies ini cuma pernah dijumpai di Merbok, Kedah pada 2015 dan di Kuantan, Pahang kira-kira tujuh tahun lalu. Kampung Menerong, Ajil, Hulu Terengganu menjadi lokasi penemuan terbaharu.

"Penemuan ini secara tidak langsung satu keunikan atau daya tarikan pelancongan di sini



SYAMSUL Bahri Abd. Razak menunjukkan penemuan sarang kelulut spesies sayap putih yang semasa Ekspedisi Kayak Jejak Kelulut Sungai Berang, di Hulu Terengganu.

khususnya bagi peminat-peminat kelulut. Tidak mustahil, ada lagi spesies sukar ditemukan terdapat di kawasan ini," katanya ketika ditemui di Kampung Menerong.

Kata beliau, homotrigona anamitica pertama kali dijumpai di Malaysia pada 1909 dan antara kelebihannya dapat bertahan tenggelam dalam air dianggarkan antara tempoh dua hingga

tiga minggu kerana corong keluar masuk ke sarang mampu tertutup daripada dimasuki cecair.

Katanya, kelulut sayap putih adalah dari keluarga kelulut jenis damar dan agak sukar diternak di kawasan kurang sumber damar iaitu dikeluarkan oleh pokok-pokok hutan seperti meranti, pokok kayu kapur, merbau dan jenis kayu keras lain," katanya.